



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 12 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Labuan speedboat fares restored to original RM9

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: Speedboat fares from Menumbok to Labuan have been restored from RM12 to the original rate of RM9, effective Tuesday (Nov 11).

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (pic) said the reduction followed discussions between his Ministry and the Menumbok Speedboat Operators Association which increased the fares recently.

He said the Ministry, together with relevant government agencies, will expedite the approval of RON95 petrol subsidies once eligible operators have submitted their applications through the Subsidised Petrol Control System (SKPS) starting Nov 13.

"As an interim measure, eligible boat operators will be allowed to claim reimbursement for additional fuel costs through the same system. The eligibility



for claims takes effect also on Nov 11 (Tuesday).

"Claims for the period from Sept 30 to Oct 31, 2025, during which operators had to bear additional costs before the fare increase, will also be considered upon submission of purchase records," he said, Tuesday.

Kuala Penyu Assemblyman Datuk Limus Jury had earlier urged the Ministry to review the fare hike implemented by operators following the rollout of the targeted RON95 subsidy.

In response, the Ministry initiated an investigation through the Malaysia Competition Commission (MyCC) under Section 4 of the Competition Act 2010 (Act 712).

At the same time, a meeting was held between the Ministry and the boat operators, resulting in a decision that balanced the interests of both consumers and operators.

Armizan expressed appreciation to the operators and Limus for their cooperation in resolving the issue.

Menumbok–Labuan boat fare restored to original rate

KOTA KINABALU: The passenger boat fare for the Menumbok–Federal Territory of Labuan route has been reverted to its original rate of RM9 effective on Nov 11, following discussions between the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), relevant government agencies and the Menumbok Speedboat Operators Association.

Minister in the Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Functions), Datuk Armizan Mohd Ali, said the agreement

was reached after two rounds of meetings held to address issues arising from the recent fare hike.

"Following the media statement I issued on November 5, two meeting sessions were held between KPDN, related agencies, and the Menumbok Speedboat Operators Association to discuss the matter concerning the increase in passenger fares for the Menumbok–Labuan route," he said.

"As a result of the discussions, a consensus was reached to

restore the passenger fare to the original rate of RM9, effective November 11, compared to the RM12 fare previously imposed as a fuel surcharge from November 1," Armizan announced.

He added that KPDN and the relevant government agencies will assist in expediting the approval of RON95 petrol subsidy applications for eligible boat operators through the Subsidised Petrol Control System (SKPS), which will open on November 13.

"As an interim measure,

qualified boat operators will also be allowed to claim reimbursement for additional fuel costs through the same system, effective November 11," he said.

Armizan noted that claims for reimbursement covering the period from September 30 to October 31, 2025, when operators had to bear the increased fuel costs before the fare adjustment, will also be considered, provided that proper purchase records are submitted.

He expressed his appreciation

to the Menumbok Speedboat Operators Association for their cooperation in reaching the agreement.

He also extended his gratitude to former Kuala Penyu assemblyman Datuk Limus Jury for his assistance in ensuring that the interests of both passengers and boat operators were properly addressed.

"Thank you to all parties for their commitment in balancing the welfare of passengers and the sustainability of the operators," Armizan said.

Tiada kes tipu sukatan Budi95 dikesan di Pulau Pinang

GEORGE TOWN – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang mengesahkan tiada sebarang kesalahan melibatkan penipuan sukatan minyak petrol di bawah inisiatif Budi Madani RON95 (Budi95) dikesan berlaku di negeri ini.

Pengarahnya, S. Jegan berkata, hasil pemeriksaan berkala yang

dijalankan ke atas semua stesen minyak mendapati pengusaha mematuhi sepenuhnya peraturan ditetapkan kementerian.

"Setakat ini, tiada mana-mana stesen minyak di Pulau Pinang yang dikesan melakukan kesalahan berkaitan penipuan sukatan atau pelanggaran peraturan program Budi Madani," katanya dalam sidang akhbar selepas

melancarkan Program Pasar Patuh (3P) di Pasar Chowrasta di sini semalam.

Menurut Jegan, pemeriksaan dijalankan setiap hari secara bergilir oleh pasukan penguat kuasa bagi memastikan semua pengusaha stesen minyak berada dalam keadaan patuh.

"Kita ada pasukan khas yang membuat pemantauan berteru-

san termasuk ujian terhadap alat penyukat minyak bagi memastikan tiada unsur penyelewengan," katanya.

Jegan berkata, bagi bulan ini sahaja, KPDN Pulau Pinang telah menerima 12 aduan berkaitan Budi Madani, meningkat tiga aduan berbanding sembilan kes yang direkodkan sebelum ini.

Katanya, kebanyakan aduan

tersebut melibatkan isu teknikal dan kekeliruan dalam sistem bukan berpunca daripada salah laku pihak stesen minyak.

"Kita dapati majoriti kes hanyalah kesilapan teknikal atau kekeliruan pengguna, bukannya penipuan subsidi. Pihak ibu pejabat KPDN akan mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung perkara ini nanti," katanya.

Georgetown: Sebanyak 2,288 aduan daripada orang awam diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang membabitkan pelbagai isu kepenggunaan sejak Januari lalu.

Pengarah KPDN negeri, S Jegan berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 1,016 membabitkan isu harga barangan dan perkhidmatan.

"Manakala 191 lagi berkaitan bekalan barang kawalan dan baki sebanyak 1,081 merupakan lain-lain aduan.

"Sepanjang tempoh itu, sebanyak 67,564 premis di negeri ini diperiksa dan 804 kes pelbagai kesalahan sudah diambil tindakan.

"Nilai sitaan membabitkan jumlah lebih RM3.06 juta dan jumlah kompaun pula sebanyak RM461,800," katanya ketika ditemui se-

KPDN Pulau Pinang terima 2,288 aduan sejak Januari

lepas melancarkan Program Pasar PATUH (3P) di Pasar Chowrasta, Jalan Penang, di sini, semalam.

Menurutnya, pelaksanaan program itu membabitkan seramai 60 peniaga di pasar itu selain turut dijalankan di negeri lain.

"Ia bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai pematuhan undang-undang, menggalakkan persaingan sihat, melindungi hak serta kepentingan pengguna.

"Pasar Chowrasta jadi perintis program ini. Kita akan perluaskan program berkenaan ke pasar lain pula dan lihat keberkesannya juga sebelum lakukan secara berpering-

kat," katanya.

Sementara itu, Jegan berkata, pihaknya menerima tiga aduan berkaitan pelaksanaan program Budi Madani RON95 (BUDI95) daripada pengguna, bulan ini.

Katanya, semua aduan itu membabitkan aspek teknikal dan sukatan bahan api di stesen minyak.

"Pemeriksaan dijalankan hampir setiap hari oleh pegawai penguat kuasa KPDN dan setakat ini, tiada lagi stesen minyak di negeri ini dikenakan tindakan.

"Pemantauan berterusan juga dilakukan bagi memastikan pelaksanaan program BUDI95 berjalan

lancar serta mengelak sebarang penyelewengan atau ketidakpatuhan di peringkat stesen minyak," katanya.

Bulan lalu, Jegan dilaporkan berkata, sembilan aduan diterima pihaknya membabitkan isu sama, namun hasil siasatan mendapati tiada penyelewengan dikesan kerana sukatan bahan api di pam adalah tepat.

Katanya, kebanyakan aduan berpunca daripada tanggapan pengguna yang merasakan jumlah petrol diisi tidak sepadan dengan bayaran dibuat sedangkan ujian dijalankan menunjukkan bacaan pam nampak sukatan sebenar.

RM3m goods seized in enforcement ops

GEORGE TOWN: The Penang branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry has seized goods worth over RM3.06 million in enforcement operations across the state from January until Monday.

Its director S. Jegan said the seizures followed the inspections of 67,564 premises, which led to 804 cases being recorded and compounds totalling RM461,800 issued.

He said most cases involved price-related offences, such as failure to display price tags and selling goods above the controlled price.

"During the period, we also received 2,288 public complaints, with 1,016 on pricing, 191 on supply of controlled items and 1,081 on other issues," he told reporters after launching the Pasar Patuh Programme at Chowrasta Market here.

Jegan said the programme aims to improve compliance among market traders by promoting clear price displays, accurate weighing tools and a clean business environment.

Chowrasta Market was chosen for the pilot phase, involving 60 traders from wet, semi-dry, dry goods and non-halal sections, before the initiative is expanded statewide.

He added that the programme is a collaboration with local authorities, the Health Ministry, the Federal Agricultural Marketing Authority, the Companies Commission of Malaysia and certified weighing equipment verifiers.

"The goal is to raise awareness among traders on the importance of following trade laws, fostering fair competition and protecting consumer interests." – Bernama



RM3m goods seized in enforcement ops

GEORGE TOWN: The Penang branch of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry has seized goods worth over RM3.06 million in enforcement operations across the state from January until Monday.

Its director S. Jegan said the seizures followed the inspections of 67,564 premises, which led to 804 cases being recorded and compounds totalling RM461,800 issued.

He said most cases involved price-related offences, such as failure to display price tags and selling goods above the controlled price.

"During the period, we also received 2,288 public complaints, with 1,016 on pricing, 191 on supply of controlled items and 1,081 on other issues," he told reporters after launching the Pasar Patuh Programme at Chowrasta Market here.

Jegan said the programme aims to improve compliance among market traders by promoting clear price displays, accurate weighing tools and a clean business environment.

Chowrasta Market was chosen for the pilot phase, involving 60 traders from wet, semi-dry, dry goods and non-halal sections, before the initiative is expanded statewide.

He added that the programme is a collaboration with local authorities, the Health Ministry, the Federal Agricultural Marketing Authority, the Companies Commission of Malaysia and certified weighing equipment verifiers.

"The goal is to raise awareness among traders on the importance of following trade laws, fostering fair competition and protecting consumer interests." – Bernama

（檳城11日讯）檳州国内贸易及生活费局局长杰根说，今年1月1日起至今，该局检查了州内6万7564家商店，并针对804宗案件采取行动，充公额为306万2032令吉21仙。

“这期间，当局开出的罚单，罚款总额为46万1800令吉。在这些案件当中，以违反关于价格的条款占多数。”

他说，在同一时期，该局接获2288宗来自民众的投诉，其中1016涉及货品价格与服务，191宗涉及统治品供应，1081为其他投诉。

他今日在吉灵万山主持“合规巴刹计划”推介礼后，在新闻发布会上这么说。出席者尚有该局执法主任苏菲安与吉灵万山同业公会主席莫哈末纳西尔。

他呼吁民众举报商家的违规行为。投诉管道包括：透过WhatsApp联系019-8488000，或致电1-800-886-800。此外，也可透过官方网站<http://eadu.kpdn.gov.my>或EzADU KPDN手机應用程式联系当局。

平时不管控蔬菜海鲜价格

针对媒体提问，在季候风季节期间，是否收到关于蔬菜或海鲜价格的投诉，杰根说，有关价格是根据供需多寡而定，当局并没有定下控制价格，除非是节庆时期。

“我们不能长期控制价格，不过，每逢佳节，例如即将到来的圣诞节，当局就会宣布针对哪些食材制定统制价。”

檳內貿局：1月至今 查逾6萬商店罰款逾46萬

BUDI 95接12技术性投诉

从仁政昌明RON95计划（BUDI 95）实施至今，檳州总共接到12宗投诉，主要都是基于技术性问题的投诉，当局并没有对任何单位采取行动。

杰根受询时说，10月的投诉有9宗，而11月上旬再增3宗。

吉灵万山为模“合规巴刹”试点

吉灵万山被国内贸易及生活费局选为檳州“合规巴刹”的试点，经当局评估效果后，明年再扩大至其他巴刹推行。吉灵万山共有60个小贩。

他说，当局也会在当地举行“爱心促销活动”，为消费者提供优惠的货物价格。

杰根说，推出此计划的目的是加强监督公共巴刹，教育商家遵守法令、保护消费者权益和注重卫生，以便增加消费者对商家的信心。合规巴刹的小贩需要清楚标示价格，使用精准的称重仪器，以及维持



苏菲安（左三）检查摊贩的秤是否准确。左二为莫哈末纳西尔，左四为莫哈末纳西尔。（刘雯诗摄）

环境卫生与整齐。

“除了当地小贩，地方政府、卫生部、农业销售局（FAMA）、马来西亚公司委员会（SSM）以及由当局委任的称重公司等，也将跨单位合作，共同落实合规巴刹计划。”



■执法人员使用仪器，检测商家使用的称重设备。

巴里文打内貿局 取締違規商家

（怡保11日讯）巴里文打国内贸易及生活成本局昨日展开针对价格标签、称重仪器等多项赋权执法的取缔行动，确保商家遵守受统制价格及统制品供应相关条例。

根据霹雳国内贸易及生活成本局面子书贴文指出，巴里文打执法组在该区展开检查行动，确保商家遵守统制价格及统制品供应条例。

贴文指出，检查发现市场上的鸡肉与鸡蛋供应充足，售价也符合政府建议价格；所有商品的价格标示清晰、有序，且使用中的称重设备，也具有商业

用途的验证。

贴文强调，该局致力确保商家遵守各项条例，以保障消费者权益，并防范任何形式的哄抬物价行为。

消费者若有任何疑问或投诉，可透过投诉网站：<https://e-aduan.kpdn.gov.my>、巴里文打内贸局：05-7176055、或WhatsApp投诉热线：019-848 8000。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MINDEF kemuka 10 produk inovasi untuk dipatenkan

Kuala Lumpur: Free Energy Water Pump (FEWP) 2.0, pam mudah alih bagi menapis air di kawasan bencana adalah antara 10 inovasi warga Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang dikemukakan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk pendaftaran rasmi.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, langkah itu adalah bagi melindungi hak paten inovasi berkenaan dan sedia untuk digunakan pakai kerana terbukti mempunyai impak tinggi serta berpotensi untuk diaplikasikan dalam semua perkhidmatan.

"Buat kali pertama dalam sejarah, 10 permohonan paten ini dikemukakan kepada MyIPO dan kini dalam proses pendaftaran

bagi melindungi hasil ciptaan pejuang inovasi kementerian ini," katanya pada Sambutan Hari Integriti dan Hari Inovasi MINDEF 2025, di Wisma Pertahanan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan Adli Zahari, dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MINDEF, Mohd Yani Daud.

Mohamed Khaled berkata, budaya inovasi ini diterjemahkan melalui nilai Malaysia MADANI seperti daya cipta, kemampuan dan kesejahteraan yang mendorong kakitangan berfikir di luar kebiasaan demi meningkatkan kecakapan tugas dan manfaat jangka panjang kepada rakyat.

Katanya, kejayaan warga MINDEF meraih enam pingat emas,



Mohamed Khaled (tengah) menyaksikan ikrar bebas rasuah ditandatangani Mohd Yani (dua dari kanan) dan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohamad Zakkuan Talib pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Integriti dan Hari Inovasi MINDEF 2025, di Kuala Lumpur, semalam. Turut sama, Adli (kiri) dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Muhamad Norazlan Aris. (Foto BERNAMA)

tiga perak dan dua gangsa dalam pertandingan antarabangsa di Korea Selatan dan Indonesia turut dihargai.

"Di Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2024 dan Pameran Maritim dan Aeroang-

kasa (LIMA) 2025 pula, hasil inovasi MINDEF ini bukan sahaja menyerlah pada peringkat dunia, tetapi juga dapat menjimatkan jutaan ringgit kos kerajaan serta meningkatkan kesiapsiagaan pertahanan," katanya.

Katanya, dalam indeks Inovasi Global, kedudukan Malaysia naik ke tangga 33 pada 2024 daripada tangga ke-36 direkodkan pada 2021 hingga 2023 sekali gus, membuktikan usaha inovasi berada di landasan yang tepat.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pendekatan berani pulihkan ketirisan RM15.5 bilion

Kuala Lumpur: Agensi penguatkuasaan diarah terus mengambil tindakan tegas terhadap kartel, sindiket penyelewengan dan 'scammer' untuk memastikan hasil negara tidak tiris.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ia bukan satu tugas mudah, tetapi perlu ada keberanian untuk melakukannya walaupun mengakui 'kekuatan' pihak berkenaan, termasuk didalangi individu berpengaruh dan memiliki dana yang besar.

Beliau berkata, kerajaan MADANI mengambil pendekatan berani untuk membanteras kegiatan itu yang sesetengahnya beroperasi sejak berpuluh-puluh tahun lalu.

"Bayangkan RM15.5 bilion itu (nilai rampasan dan kuti-

pan penalti pihak berkuasa negara), ketirisan berlaku begitu banyak, kita di sini riuh rendah tapi kita izinkan (kegiatan haram ini berlaku).

"Ini bukan berlaku tahun ini, bukan dalam tempoh tiga atau lima tahun lalu, ada syarikat (haram) yang beroperasi 20 tahun dan dibiarkan," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menolak andaian segelintir pihak kononnya tindakan itu dilakukan atas dasar dendam.

"Sebab itu, saya minta semua agensi penguatkuasaan tidak bekerja secara silo, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kement-

rian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) gabungkan dan kongsi maklumat, ambil tindakan tegas tanpa kira pengaruh dan kedudukan sama ada kartel besar, termasuk syarikat scammer yang beroperasi puluhan tahun, diketahui tapi tak berani diambil tindakan," katanya.

Beliau menjawab soalan asal Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin).

Anwar berkata, dalam tempoh itu, SPRM mengumpul nilai lucut hak lebih RM8 bilion; PDRM (RM4 bilion), manakala Kastam Diraja Malaysia berjaya menumpaskan sindiket haram dan penyeludupan dengan nilai rampasan RM2.5 bilion.

"KPDN bersama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pula melakukan kuti-

pan penalti RM1 bilion," katanya.

Beliau juga hairan sindiket berkenaan boleh beroperasi selama puluhan tahun, termasuk yang membabitkan penyeludupan menggunakan kontena seperti sisa elektronik (e-waste).

"Kalau jarum yang diseludup, ya susah sedikit (kesan) tapi ini kontena boleh diseludup keluar dan masuk, ini bukan baru tapi berpuluh tahun dan diizinkan oleh pihak tertentu," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim (PN-Kuala Terengganu), Anwar berkata, beliau mengusulkan supaya perjanjian berkaitan unsur nadir bumi (REE) di antara Khazanah Nasional Berhad dan Kerajaan China disegerakan.

"Di Pahang umpamanya, JS Link baru-baru ini, mahu melebarkan (dagangan) REE. Ia penting kerana ada orang anggap (Perjanjian Perdagangan Timbal Balik - ART) menyekat dagangan REE hanya kepada Amerika Syarikat (AS) saja.

"Ini tidak betul kerana dalam rundingan saya di Korea Selatan dua minggu lalu, kita berikan ruang kepada JS Link buka (dagangan) tambahan REE 'super magnet' di Pahang dan ini selepas perjanjian (ART) ditandatangani dengan Presiden, Donald Trump.

"Begitu juga dengan Premier China, Li Qiang. Saya usulkan supaya pelaburan China bersama Khazanah mengenai REE ini dipercepat. (Perjanjian ART bersama AS) ini tidak menghalang sama sekali," katanya.

Kerajaan pulihkan ketirisan RM15b

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
dan **JOHANNA MUMTAZ WANPA**
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan melalui pasukan khas multi-agensi (MATF) berjaya memulihkan ketirisan, rasuah dan penyelewengan bernilai RM15.5 bilion untuk tempoh dua tahun dari 2023 hingga 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, daripada jumlah itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan pengumpulan nilai lucut hak melebihi RM8 bilion hasil tindakan terhadap sindiket penyeludupan dan penipuan.

Katanya, jumlah itu merangkumi perampasan dan pemulihan daripada dana haram termasuk wang tunai, tanah, saham syarikat, bangunan dan pelbagai aset lain yang dikembalikan kepada kerajaan melalui Kementerian Kewangan (MOF).

"Usaha pemulihan ini dijalankan melalui operasi bersepadu oleh beberapa agensi penguatkuasaan di bawah pasukan



**SIDANG
DEWAN
RAKYAT**

petugas khas pelbagai agensi yang ditubuhkan dengan mandat penuh tanpa kompromi terhadap penyeludupan dan penipuan.

"Bayangkan tahap ketirisan itu. Kita berjuang secara terbuka di sini sementara ada yang membuat bising di belakang tabir, namun kita tetap membiarkannya berlaku. Ramai daripada pentadbiran terdahulu terlibat," katanya ketika Sesi Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohd. Isam Mohd. Isa (BN-Tampin) berhubung jumlah terkini hasil rampasan dan kutipan penalti yang diperoleh oleh semua agensi penguatkuasa kerajaan serta langkah-langkah yang diambil dalam memperkukuh usaha membanteras ketirisan hasil.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Polis Diraja Ma-



Daripada jumlah itu, SPRM merekodkan pengumpulan nilai lucut hak melebihi RM8 bilion hasil tindakan terhadap sindiket penyeludupan dan penipuan."

laysia (PDRM) juga berjaya merampas hasil penyitaan hampir RM4 bilion sementara Kastam Diraja Malaysia menumpaskan sindiket haram dan penyeludupan dengan nilai rampasan sebanyak RM2.5 bilion.

Selain itu, katanya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKS) serta Suruhanjaya Persaingan Malaysia pula mengutip penalti sebanyak RM1 bilion.

"Pasukan petugas daripada pelbagai agensi telah bekerja keras. Namun, kita harus faham mengapa perkara ini dibenarkan berlaku bertahun-tahun.

"Perbezaannya sekarang ialah kerajaan telah memberi kuasa kepada badan penguatkuasaan untuk bertindak dengan berani dan tegas dan kita harus memberi penghargaan kepada agensi-agensi ini kerana mereka telah menunjukkan ketegasan dan keberanian," katanya.

Menurut Anwar, langkah keselamatan baharu turut diperkenalkan bagi memperkukuh penguatkuasaan termasuk penggunaan cap cukai digital, kompleks saringan berpusat, kamera badan dan mesin pengimbas kargo.

Katanya, ia bertujuan menangani penyeludupan berterusan termasuk e-waste dan barangan lain menerusi kontena yang telah dibenarkan berlaku oleh pihak tertentu selama bertahun-tahun.

"Kerajaan tidak akan membiarkan ketirisan berterusan

berlaku dan semua tindakan diambil dengan keberanian dan ketegasan agensi penguatkuasaan meskipun berdepan risiko keselamatan disebabkan kumpulan kongsi gelap, gangster dan sindiket berpengaruh," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan memperoleh semula aset 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dianggarkan melebihi RM1 bilion menerusi proses pemulihan yang giat dijalankan khususnya di luar negara.

Katanya, pihaknya akan terus memfokuskan kepada usaha memulihkan aset 1MDB termasuk melalui kerjasama dengan pihak antarabangsa.

"1MDB ini pada peringkat akhir, masih ada kemasukan (pemulangan semula dana) baru-baru ini. Saya tak dapat teka berapa jumlahnya tetapi ia mencecah RM1 bilion tambahan daripada jumlah dulu.

"Prosesnya masih diteruskan di Switzerland, London dan ada jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan," katanya.

Firm enforcement prevents over RM15 bln in losses in past two years — PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim said Tuesday that firm enforcement by various government agencies over the past two years has prevented leakages amounting to RM15.5 billion, describing it as the most effective effort to curb revenue loss in the country's history.

The Prime Minister said this success was the result of uncompromising and coordinated action by a multi-agency task force comprising the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), Inland Revenue Board (IRB), Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN), Royal Malaysia Police (PDRM) and other agencies.

"If there had been no effective

enforcement, we wouldn't have recovered this RM15 billion. The enforcement has been firm and courageous, and as far as I know, this is the most effective and successful in history.

"When you look at the records of seizures and anti-smuggling efforts and others I mentioned, it really amounts to RM15 billion. That is why I am giving special appreciation to the enforcement teams for their efforts," he said during Minister's Question Time in the Dewan Rakyat.

He was responding to a supplementary question from Datuk Seri Dr Wee Jee Seng (BN-Tanjong Piai), who asked why firm enforcement actions had

not been taken earlier and about the number of prosecutions carried out.

Anwar stressed that the government will not compromise on any form of corruption, smuggling or scam activities, adding that 20 cases have already been brought to court, with follow-up action being pursued by the Attorney General.

He said the courage shown by the agencies in taking on powerful cartels, including secret societies and international crime syndicates, was made possible only through firm political support and protection assured by the country's top leadership.

"It's not easy; they are fighting against big companies and

influential cartels. They need clear political will and backing. That's why, from the end of 2023 until 2025, we've managed to prevent leakages, corruption and smuggling — that's where the RM15.5 billion came from.

"Just imagine how extensive those leakages had been, how many cartels were involved... this didn't happen just this year or three years ago, but over many years," he said.

The Prime Minister stressed that the mission to rid the nation of corruption, leakages and smuggling must continue, including through the enhancement of advanced equipment use at the country's borders. — Bernama



**BUDIMAN
ZOHDI**

SEBUAH kedai tomyam yang sering menjadi tempat saya singgah menaikkan harga jualan dengan anjakan kecil tetapi ketara.

Misalnya set ringkas untuk dua orang makan yang berupa seekor ikan siakap tiga rasa, telur dadar, tomyam campur dan dua nasi putih yang dahulunya berharga RM38, sekarang dinaikkan kepada RM43.

Alasan diberikan peniaga dari selatan Thailand itu ialah peningkatan kos. Ini kerana sebagai orang asing yang mencari rezeki di negara ini tidak lagi boleh membeli petrol dengan harga subsidi.

Alasan sama diberikan dalam satu tinjauan rambang melibatkan beberapa kedai runcit milik bukan warganegara yang menaikkan harga beberapa barang keperluan bukan kawalan antara lima hingga 10 sen.

Seorang pemuda asal Aceh yang membekalkan barangan basah kepada beberapa buah restoran memberitahu dia tidak menaikkan harga barang tetapi menaikkan sedikit caj penghantaran. Alasannya sama, terpaksa membayar petrol mengikut harga pasaran.

Di laman sosial saya terbacakan seorang pemilik akaun yang menyatakan dia hanya menggunakan kira-kira 50 liter sebulan daripada kuota Budi Madani RON95 (BUDI95). Secara berseloroh atau mungkin juga serius, dia bersedia membenarkan sesiapa yang berminat menggunakan kuotanya dengan 'fi' yang minimum.

Di laman sosial juga saya terbacakan tulisan ini, "Alhamdulillah, kami sekeluarga menjimatkan kira-kira RM50 sebulan. Cukup untuk membeli satu beg beras dan bakinya diguna untuk melunaskan bil air."

Semua ini sebahagian kecil daripada kesan langsung selepas sebulan BUDI95 dilaksanakan. Corak peristiwa dan ragam pendapatnya sangat pelbagai, namun secara umum majoriti bersifat positif.

Saya belum pernah terjumpa walau seorang pun warga tempatan yang menafikan faedah pelaksanaan subsidi berasar itu. Sahabat-sahabat saya dalam pasukan pembangkang pun nampaknya menerima baik inisiatif tersebut. Mereka tidak lagi merungut mengenainya.

Jelaslah tempoh lebih sebulan selepas

BUDI95 perkukuh ketahanan ekonomi rakyat



BUDI Madani RON95 (BUDI95) mula membekalkan hasil sebagai dasar subsidi terbesar lebih adil, meningkatkan kecekapan pengagihan dan menyokong golongan yang benar-benar memerlukan.

pelaksanaannya, BUDI95 membuka cukup ruang untuk menilai langsungnya secara lebih mendalam terhadap pelbagai aspek, daripada penerimaan rakyat, ekonomi isi rumah, reaksi pasaran serta implikasi fiskal kepada kerajaan.

Dalam tempoh yang singkat ini juga, beberapa trend struktural mula dapat dikesan, sekali gus memberi gambaran tentang arah jangka panjang dasar subsidi Malaysia dalam ekosistem ekonomi baharu.

Sebagai dasar yang mempunyai kepentingan sosial yang besar, penilaian awal ini penting bagi menentukan tahap keberkesanan, kekuatan instrumen pentadbiran dan ruang penambahbaikan yang wajar diberi perhatian.

Dari sudut penerimaan rakyat, respons umum sepanjang sebulan pelaksanaan memperlihatkan corak penerimaan yang beransur matang. Pada fasa awal, memang wujud kebingungan mengenai keperluan pendaftaran, syarat kelayakan dan mekanisme verifikasi sehingga mendorong perbincangan di sana-sini. Tetapi ia bukanlah pelik kerana dalam mana-mana pelaksanaan dasar baharu, apatah lagi yang melibatkan data peribadi, teknologi digital dan perubahan tabiat harian, bimbang serta bimbang memang jarang dapat dipisahkan.

Namun selepas sebulan pertama, majoriti pengguna mula menunjukkan tahap adaptasi yang tinggi. Golongan B40 luar bandar, contohnya, yang pada

awalnya dikhuatiri akan terkebelakang dari segi celik digital, membuktikan mereka adalah antara yang paling cepat menyesuaikan diri. Faedah langsung BUDI95 kepada isi rumah jelas dapat dilihat daripada laporan-laporan media. Angka umum menunjukkan inisiatif itu membolehkan perbelanjaan isi rumah dijamin antara RM50 hingga RM120 sebulan khususnya dalam kalangan penerima B40.

Angka itu bukanlah kecil kerana dalam konteks ekonomi runcit, jumlah penjimatan ini membolehkan isi rumah mengurus pembelian barangan asas secara lebih stabil dan mengimbangi kenaikan harga barangan tertentu. Yang lebih penting ia membantu mengelakkan tekanan kewangan jangka pendek, sesuatu yang sangat dekat dengan rakyat berpendapatan rendah.

Lebih menarik ialah data bulan pertama menunjukkan pola penggunaan yang jauh lebih rendah daripada yang dijangkakan kerajaan. Purata penggunaan 98 liter sebulan iaitu bersamaan sekitar 33 peratus daripada had subsidi 300 liter, menunjukkan tingkah laku mobiliti rakyat tidak mengalami peningkatan mendadak walaupun subsidi diberi melalui mekanisme individu.

Anggaran kasar menunjukkan jika majoriti rakyat tidak menggunakan kuota maksimum, kerajaan dapat menjimatkan ratusan juta ringgit dalam tempoh beberapa bulan pertama sahaja. Penjimatan ini boleh diagih semula ke sektor kritikal seperti pendidikan,

sistem kesihatan awam dan pembangunan infrastruktur asas yang memberi kesan jangka panjang kepada produktiviti negara.

Selain itu, keberkesanan kawalan fiskal ini juga meningkatkan kredibiliti kerajaan dalam kalangan pelabur kerana ia menunjukkan negara mengambil langkah konsisten mengurangkan beban subsidi tanpa mengabaikan golongan rentan.

Walaupun demikian, kita perlu mengadu di sebalik prestasi awal yang menunjukkan perkembangan positif, terdapat beberapa kelemahan yang turut dikenal jauh.

Contohnya terdapat rungutan daripada segmen pengguna aktif, terutama dalam kalangan M40 pertengahan, yang tidak berpuas hati kerana kuota 300 liter itu dilihat sebagai tidak mencukupi bagi mereka yang kerap melakukan perjalanan jauh.

Reaksi ini menunjukkan terdapat keperluan untuk meletakkan garis kelayakan yang lebih dinamik pada masa depan, termasuk keupayaan melakukan semakan silang berasaskan konteks pekerjaan, tanggungan dan kos hidup setempat.

Rungutan juga datang daripada golongan pemandu e-hailing, terutama pemandu sepenuh masa. Kuota itu terlalu kecil. Kerajaan memberi reaksi pantas dengan menaikkan had kuota kepada 800 liter sebulan bagi pemandu e-hailing sepenuh masa, berkuat kuasa November.

Ia memberikan kelegaan. Walaupun masih ada yang bersuara dengan berkata pemandu e-hailing sepenuh masa memerlukan sekitar 1,200 liter petrol sebulan untuk menampung jarak perjalanan kerja, namun tindakan pantas menaikkan kuota membawa maksud tersirat yang cukup penting bahawa kerajaan sentiasa bersedia mendengar suara akar umbi dan menyesuaikan dasar subsidi agar lebih relevan dengan situasi.

Perkara lain yang perlu diberi perhatian ialah reaksi balas kalangan peniaga asing dan kelompok perniagaan yang tidak layak menerima subsidi, di mana terdapat kecenderungan menaikkan

harga barangan, makanan dan perkhidmatan dengan alasan terpaksa membayar petrol mengikut harga pasaran.

MANIPULASI
Walaupun dalam ekonomi terbuka tindakan ini dianggap sebahagian daripada mekanisme pasaran, risiko manipulasi harga tetap wujud. Kenaikan harga barangan berkaitan rapat dengan kenaikan harga petrol dan diesel, walaupun ironinya penurunan harga kedua-dua bahan api itu jarang berjaya menurunkan harga barangan yang sama.

Dalam konteks ini, penguatkuasaan harga munasabah melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu diperkukuh, sementara kerajaan wajar melaksanakan kajian kos operasi sebenar peniaga mikro tempatan bagi menolak dakwaan kenaikan harga yang tidak berasas.

Untuk peniaga tempatan yang sah tetapi benar-benar terkesan, pendekatan alternatif seperti rebat utiliti, insentif logistik atau skim pemodenan operasi boleh membantu mengelakkan beban kos disalurkan secara tidak adil kepada pengguna. Bagi peniaga asing lebih tegas bukan sahaja isu ekonomi tetapi juga isu kedaulatan peraturan.

Apa juga natiannya, jika dilihat secara menyeluruh, kesan ketara ialah rakyat terbayak mula merasa kehadiran inisiatif itu sebagai manifestasi nilai-nilai madani yang memberi penekanan kepada keadilan sosial, kecekapan pentadbiran dan keprihatinan terhadap kelompok memerlukan.

Sememangnya itulah juga hasrat kerajaan semasa melaksanakan inisiatif tersebut. Tidak dapat disangkal dasar ini mula berjaya memperbaiki struktur pengagihan negara serta mengurangkan kebergantungan kepada subsidi menyeluruh yang selama ini lebih banyak memanfaatkan golongan kaya berbanding rakyat biasa.

DATUK Dr. Budiman Zohdi ialah Penasihat Strategik Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM).



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Nov	Tambang bot laju Menumbok-Labuan kembali pada harga asal	https://www.sinarharian.com.my/article/756181/berita/nasional/tambang-bot-laju-menumbok-labuan-kembali-pada-harga-asal	SINAR HARIAN
12-Nov	Tambang bot penumpang Menumbok-Labuan kembalikan kepada harga asal	https://sabahmedia.com/2025/11/11/tambang-bot-penumpang-menumbok-labuan-kembalikan-kepada-harga-asal/	SABAH MEDIA
12-Nov	Tambang Bot Menumbok-Labuan Dikembalikan Kepada Harga Asal RM9 Bermula Hari Ini	https://sabahnews.com.my/tambang-bot-menumbok-labuan-dikembalikan-kepada-harga-asal-rm9-bermula-hari-ini/	SABAH NEWS
12-Nov	Menumbok-Labuan passenger boat fare restored to RM9 original rate	https://www.dailyexpress.com.my/news/270217/menumbok-labuan-passenger-boat-fare-restored-to-rm9-original-rate/	DAILY EXPRESS
12-Nov	BUDI95: KPDN Pulau Pinang tidak terima sebarang aduan penipuan	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/budi95-kpdn-pulau-pinang-tidak-terima-sebarang-aduan-penipuan/	UTUSAN
12-Nov	No offences found at Penang petrol stations under Budi95 subsidy, says KPDN	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/11/no-offences-found-at-penang-petrol-stations-under-budi95-subsidy-says-kpdn/197980	MALAYMAIL
12-Nov	KPDN P. Pinang periksa lebih 67,000 premis sejak Januari	https://www.kosmo.com.my/2025/11/11/kpdn-p-pinang-periksa-lebih-67000-premis-sejak-januari/	KOSMO
12-Nov	KPDN Pulau Pinang terima 2,288 aduan kepenggunaan sejak Januari	hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1286345/kpdn-pulau-pinang-terima-2288-aduan-kepenggunaan-sejak-januari	HARIAN METRO

12-Nov	Penang KPDN launches blitz, seizes RM3.06mil in goods	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/11/1312587/penang-kpdn-launches-blitz-seizes-rm306mil-goods	NST
12-Nov	Unethical traders: Penang KPDN seizes RM3m in goods, issues RM460,000 in fines since January	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/11/unethical-traders-penang-kpdn-seizes-rm3m-in-goods-issues-rm460000-in-fines-since-january/197972	MALAYMAIL
12-Nov	Unethical traders: Penang KPDN seizes RM3m in goods, issues RM460,000 in fines since January	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/11/unethical-traders-penang-kpdn-seizes-rm3m-in-goods-issues-rm460000-in-fines-since-january/197972	MALAYMAIL
12-Nov	Penang KPDN seizes RM3m in goods, issues RM460,000 in fines since January	https://theleaders-online.com/penang-kpdn-seizes-rm3m-in-goods-issues-rm460000-in-fines-since-january/	THE LEADERS
12-Nov	Ten MINDEF innovations submitted for patent registration	https://themalaysianreserve.com/2025/11/11/ten-mindef-innovations-submitted-	THE MALAYSIAN RESERVE
12-Nov	Ten MINDEF innovations submitted for patent registration	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2489420	BERNAMA
12-Nov	Kedai Makan Papar Logo Halal Tapi Tempat Tebar Roti Ada Najis Tikus Diserbu KPDN Melaka	https://says.com/my/seismik/kedai-makan-papar-logo-halal-tapi-tempat-tebar-roti-ada-najis-tikus-diserbu-kpdn-melaka	SAYS
12-Nov	KPDN Reprimands 'Halal' Melaka Eatery for Rat Droppings on Roti Canai Table & Other Hygiene Issues	https://worldofbuzz.com/kpdn-reprimands-melaka-eatery-for-rat-dropping-on-roti-canai-table-n-other-hygiene-issues/	WORLDOFBUZZ

12-Nov	Tambang bot Menumbok–Labuan dikembalikan kepada harga asal RM9 berkuat kuasa hari ini	https://themalaysiapress.com/tambang-bot-menumbok-labuan-dikembalikan-kepada-harga-asal-rm9-berkuat-kuasa-hari-ini/	THE MALYSIAN PRESS
12-Nov	Menumbok–Labuan boat fare restored to original rate	https://www.theborneopost.com/2025/11/11/menumbok-labuan-boat-fare-restored-to-original-rate/	THE BORNEO POST
12-Nov	KPDN P.Pinang keluarkan RM3.06 juta nilai sitaan sejak Januari	https://themalaysiapress.com/kpdn-p-pinang-keluarkan-rm3-06-juta-nilai-sitaan-sejak-januari/	THE MALAYSIA PRESS
12-Nov	Budi95: Tiada pelanggaran undang-undang di semua stesen minyak di P Pinang	https://www.malysiakini.com/news/760432	MALAYSIA KINI
12-Nov	Tiada pelanggaran undang-undang di semua stesen minyak di P Pinang	https://thesun.my/berita/tempatan/tiada-pelanggaran-undang-undang-di-stesen-minyak-pulau-pinang/	THE SUN
12-Nov	槟内贸局：1月至今 查逾6万商店罚款逾46万	https://northern.sinchew.com.my/news/20251111/northern/7019386	SIN CHEW